

Kerajaan tidak akan ubah syarat-syarat pelaksanaan SSB - PM

KUALA LUMPUR 23 Jan. — Kerajaan tidak akan mengubah syarat-syarat yang telah ditentukan di bawah pelaksanaan Skim Saraan Baru (SSB) bagi kakitangan awam dan badan-badan berkanun, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, pelaksanaan syarat-syarat di bawah SSB tetap diteruskan kerana skim itu telah dikaji dengan teliti selama setahun serta mengambil kira pandangan-pandangan dan memorandum yang dihantar oleh kakitangan awam dan badan-badan berkanun.

Mengulas cadangan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) bagi badan-badan berkanun (pihak pekerja) supaya syarat-syarat di bawah SSB dikaji semula, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak akan mengubah syarat-syarat itu kecuali dalam kes-kes tertentu (anomali).

"Kalau ada perkara-perkara yang tidak betul, kita akan menubuhkan tribunal untuk mengkajinya tetapi ia hanya berhubung dengan kes-kes anomali saja," tambah Perdana Menteri selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Vietnam, Encik Vo Van Kiet yang mengakhiri lawatannya ke negara ini, di Carcosa Sri Negara, di sini.

Pengerusi MBK bagi badan-badan berkanun (pihak pekerja), Encik Indera Putera Haji Ismail baru-baru ini menggesa kerajaan mengkaji semula skim itu

kerana tidakwa mempunyai banyak kelemahan dan ketidakadilan dari segi tambahan gaji dan elaun antara kumpulan rendah dan tingkatan tertinggi.

Menurut Encik Indera, MBK kesal kerana kerajaan mengene-pikan sama sekali pihak kesatuan sekerja dalam menyiapkan SSB sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka yang berada dalam kumpulan B, C dan D.

Sebagai contoh, kata Encik Indera, di bawah SSB gaji minimum pekerja am (D47) dinaikkan dari \$300 kepada \$324 sebulan iaitu tambahan sebanyak \$24 atau lapan peratus saja. Gaji maksimum pula dinaikkan daripada \$410 kepada \$498 iaitu kenaikan sebanyak sembilan peratus.

Bagaimanapun, beliau menambah, peratus kenaikan gaji pegawai atasan seperti Ketua Setiausaha Negara adalah lebih 20 peratus, manakala gaji maksimumnya ialah \$10,340.

MBK juga akan mengadakan mesyuarat bersama dengan 66 badan yang bergabung dengannya pada 19 Februari depan untuk menentukan tindakan yang harus diambil sekiranya kerajaan terus melaksanakan skim SSB.

Menurut Perdana Menteri, walau macam manapun sesuatu kajian semula gaji itu dilakukan, tetap ada orang yang tidak berpuas hati.

"Kalau ada orang yang boleh buat semua pihak berasa adil buatlah tetapi jangan buat cuma untuk bayaran yang tinggi saja kerana kerajaan tidak ada wang," tambah beliau.

Beliau bagaimanapun berpendapat bahawa pada umumnya ramai yang bersetuju kepada pelaksanaan SSB.